

20 MAY 1996
Pesta-Meriah
PESTA LANGKAWI 96 JANJI KEMERIAHAN

LANGKAWI, 20 Mei (Bernama) -- Pesta Langkawi yang bermula Jumaat ini menjanjikan pelbagai tarikan yang diharap dapat meletakkan acara tahunan itu sebagai sesuatu yang tidak boleh dilepaskan.

Selain acara tetap seperti pertandingan golf Piala Pelangi dan perlumbaan "cyclo-cross", jawatankuasa penganjur telah memasukkan empat lagi acara untuk menambah kemeriahan pesta sebulan itu.

Acara itu ialah Karnival Membeli-belah, Karnival Ria Delima, persembahan orkestra RTM dan pertandingan memancing.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Usahawan Negeri, Datuk Syed Razak Syed Zain berkata pesta itu akan bermula dengan upacara perasmian oleh Sultan Kedah yang akan berlangsung di Dataran Lang.

"Upacara ini akan berlangsung dalam suasana penuh meriah dengan persembahan kesenian dan nyanyian beberapa artis ternama dan diikuti pertunjukan bunga api serta laser," katanya di sini.

Syed Razak berkata pertunjukan bunga api dan laser itu akan berlangsung selama 20 minit.

Beliau berkata karnival membeli-belah pula disertai oleh 18 buah premis perniagaan yang kebanyakannya terletak di Pekan Kuah.

"Mereka akan membuka perniagaan sehingga pukul 12 tengah malam, sesuatu yang tidak pernah dilakukan sebelum ini di sini," katanya dan menambah karnival itu akan berlangsung selama sebulan.

Karnival Ria Delima pula menurutnya akan diisi dengan pameran perdagangan, persembahan kesenian serta pertunjukan fesyen. Karnival sebulan itu akan diadakan di Dewan Pameran Antarabangsa Mahsuri di Padang Matsirat.

Beliau berkata pertandingan memancing yang dijangka disertai kira-kira 100 orang menyediakan hadiah wang berjumlah RM15,000. Ia akan berlangsung pada 26 Mei.

Syed Razak berkata persembahan Orkestra RTM pula akan berlangsung selama dua malam mulai 25 Mei dengan malam pertama dibuka kepada orang ramai manakala malam kedua hanya untuk jemputan sahaja.

Katanya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dijangka turut menyaksikan persembahan itu.

Syed Razak memberi jaminan terutama kepada pengunjung luar bahawa mereka tidak akan menghadapi masalah untuk datang ke pulau itu melalui laut kerana perkhidmatan feri yang secukupnya akan disediakan.

Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) yang turut mengendalikan perkhidmatan feri bersama-sama dua buah syarikat lain bersedia melanjutkan operasi mereka sehingga pukul 11 malam jika ada permintaan yang tinggi. --

BERNAMA

ZAA PR